

MAHATHIR YAKIN BN MENANG

ALOR SETAR, Rabu — Barisan Nasional yakin memenangi pilihan raya umum esok memandangkan sokongan yang diterima daripada rakyat, kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, hari ini.

Perdana Menteri berkata, Barisan Nasional tidak pernah terlalu yakin dan sentiasa bekerja keras untuk mendapatkan sokongan meluas.

"Kami telah melaksanakan segala yang perlu untuk rakyat

dan sekarang sudah tiba masanya bagi mereka mengadili kami," ujar beliau kepada para pemberita di kediamannya di Titi Gajah, dekat sini.

Perdana Menteri akan membuang undi di Sekolah Kebangsaan Titi Gajah dalam kawasan Parlimen Kubang Pasu, yang beliau bertanding esok.

Beliau menyeru semua pengundi keluar menjalankan hak demokrasi mereka.

"Dengan sokongan para pengundi, kami akan menang," kata beliau.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, Barisan Nasional tidak menjalankan kempen kotor untuk mendapatkan undi berbanding dengan parti-parti lain.

Taktik lama

Beliau berkata, PAS, sebagai contoh, menyebarkan khabar-khabar angin di kawasan pilihanrayanya bahawa Haji Yusof Rawa akan menarik diri dari bertanding esok.

"Ini ialah taktik lama untuk menyekat pengundi-pengundi Barisan Nasional dari keluar mem-

buang undi," tegas beliau.

Lain-lain cara yang digunakan ialah menyebarkan khabar angin bahawa pengundian akan dijalankan berperingkat-peringkat selama tiga hari dan oleh itu para pengundi tidak perlu keluar tergesa-gesa membuang undi esok.

Setengah-setengah penyokong PAS juga menyebarkan khabar angin kononnya hari pertama esok ialah bagi pengundi-pengundi PAS.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, mereka juga menggunakan ancaman, menipu dan membawa isu 'kafir mengkafir'.

Mengenai surat pekelliling yang kononnya dikeluarkan oleh Berjasa menyeru ahli-ahlinya mengundi PAS, beliau berkata, ia dilakukan oleh PAS.

"Hanya parti itu yang sanggup menipu untuk mendapatkan undi," jelas Perdana Menteri.

Datuk Seri Dr. Mahathir melawat kall terakhir kawasan pilihanrayanya petang ini dan berjumpa dengan orang ramai serta pekerja-pekerja parti.

No. Siri 2649
No. Penerimaan 394/85